

SI TANGGANG MODEN DAN PERUBAHAN MAKNA DALAM CERITA BERMOTIFKAN ANAK DERHAKA

SHAIFUL BAHRI MD. RADZI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Artikel ini membicarakan motif anak derhaka dan kaitannya dengan masyarakat kontemporari. Motif yang berakar daripada cerita rakyat Melayu ini adalah motif tipikal Dunia Melayu. Hampir setiap suku bangsa Melayu di Nusantara ini mempunyai ceritanya sendiri seperti Si Tanggang, Malim Kundang dan Nakhoda Manis merupakan cerita yang paling popular. Populariti motif ini menyebabkan tertanamnya di sanubari orang Melayu bahawa tindakan seseorang anak yang menganiayai ibu bapanya adalah umpama Si Tanggang, Malim Kundang atau Nakhoda Manis, anak yang derhaka yang disumpah menjadi batu. Dalam konteks semasa, cerita warisan yang menjadi alat kawalan sosial ini sudah hilang fungsinya. Dalam kehidupan masyarakat kontemporari yang serba maju, canggih dan pantas, gejala sosial terus berlaku dengan jumlah yang meningkat. Peristiwa malang ibu bapa yang teraniaya sama ada dimarahi, diherdik, dikasari, dipukul, mahupun diganggu emosinya sering tersiar di media. Malah ada antara mereka yang turut ditinggalkan tanpa penjagaan, dihalau keluar dari rumah dan juga diserahkan ke rumah orang tua. Senario ini memperlihatkan berlakunya proses perubahan makna terhadap motif anak derhaka walaupun latar belakang generasi kontemporari berpendidikan agama, berpendidikan tinggi, maju dan moden. Cerita rakyat warisan bangsa kurang signifikan dalam mendidik manusia bagi menghormati dan menghargai jasa dan pengorbanan orang tua lebih-lebih lagi ibu bapa sendiri.

Kata kunci: *Si Tanggang, anak derhaka, cerita rakyat, alat kawalan sosial, kontemporari*

THE MODERN TANGGANG AND THE CHANGE OF MEANING IN THE TALES OF THE UNGRATEFUL SON

Abstract

This article discusses ‘the ungrateful son’ motif in Malay folk literature in the contemporary Malay society. Stories of ‘the ungrateful son’ has its roots in the Malay folk literature and is considered to be a typical Malay motif. Most Malay sub-ethnic groups in the Archipelago have their own versions of the trope such as Si Tanggang, Malim Kundang and Nakhoda Manis. Due to their deep-seated popularity among the Malays, rebellious and ungrateful children are often compared to characters like Si Tanggang, Malim Kundang and Nakhoda Manis, all of whom were accordingly cursed and turned to human-shaped rocks. It is unfortunate that in our social context today, such tales have lost their purpose as a device for social and moral control. It is common today to hear parents being abuse by their own children, inflicting upon them both psychical and mental traumas. Some parents are left unattended whilst others were forced to be sent to elderly homes. These scenarios show that there is a change in meaning and how society define motif of ‘the ungrateful son’ despite arguably society nowadays are seen exposed to more religious education. This raises the question whether the society have lost their sense of humanity. It also questions whether the folkloric tales have lost their didactic roles in educating the younger people to learn about respect and appreciation towards elder generation, particularly their own parents.

Keywords: *Si Tanggang, ungrateful son, folk story, social control device, contemporary*

PENGENALAN

Tahun 2020 bakal menjelang dalam tempoh lima tahun. Wawasan 2020 yang diilhamkan mantan Perdana Menteri Malaysia Keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad disasarkan tercapai pada tahun itu. Sesungguhnya, Malaysia mensasarkan matlamat untuk menjadi sebuah negara perindustrian dan negara maju. Selain berhasrat menjadi negara perindustrian dan maju, Malaysia juga

mengimpikan kejayaan dalam bidang ekonomi, politik dan sosial. Dalam konteks ini, kejayaan yang dihasratkan itu melibatkan persoalan keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, kerohanian, psikologi, perpaduan nasional, kualiti hidup, nilai sosial dan maruah bangsa. Sama ada sasaran yang dirancang itu tercapai atau tidak, ia dinantikan penuh rasa bangga bercampur debaran oleh rakyat Malaysia. Dalam bergerak ke detik 2020 itu, pelbagai perubahan dilaksanakan dan kemajuan dicapai Malaysia. Pasti, Malaysia kini pesat membangun berdiri tegak melangkah ke arah menjadi sebuah negara maju.

Dalam konteks kualiti hidup, khususnya dalam bidang kesihatan, pencapaian Malaysia amat membanggakan. Tahap sedar (*self-awareness*) masyarakat terhadap kesihatan dan amalan kesihatan adalah amat tinggi. Masyarakat kini lebih menitikberatkan kesihatan diri dan penjagaan kesihatan dalam kehidupan mereka (K. Manimaran dan Samsudin A. Rahim 2014). Dalam konteks ini, soal pemakanan, senaman, kecergasan dan rawatan kesihatan sering diberi perhatian serius. Penyakit kronik yang sering dirujuk keluar negara kini dapat ditangani di tanah air. Hospital dan pusat kesihatan baik kerajaan mahupun swasta tumbuh di serata pelusok negara. Malahan bilangan doktor dan tenaga pakar semakin bertambah. Lebih membanggakan, jangkaan hayat penduduk semakin meningkat manakala kadar kematian bayi menurun, sekaligus mencerminkan berlakunya peningkatan dalam jumlah warga tua di Malaysia. Berdasarkan Laporan Jabatan Perangkaan 2014, lapan peratus daripada jumlah penduduk negara (yang mencecah hampir 30 juta orang) adalah golongan tua yang melebihi umur 60 tahun. Sungguhpun begitu, dalam keadaan jasa dan pengorbanan orang tua sepatutnya dihargai, malangnya ramai dalam kalangan golongan tua ini dianyai. Lebih mendukacitakan, penganiayaan itu dilakukan oleh anak-anak mereka sendiri, Si Tanggang moden, anak derhaka dalam masyarakat kontemporari.

SI TANGGANG SUATU WARISAN SEMPADAN

Si Tanggang merupakan protagonis cerita bermotifkan anak derhaka. Motif ini adalah motif tipikal Melayu memandangkan ianya tidak tersenarai dalam *Motif-Index of Folk Literature* susunan Stith Thompson (1966). Dalam folklor Melayu perlakuan ‘derhaka’ atau ‘durhaka’ merupakan perlakuan keji yang amat dititikberatkan lebih-lebih lagi jika menderhaka kepada ibu bapa. Watak *Si Tanggang* amat popular dalam kalangan masyarakat Melayu yang berkisar terhadap cerita si anak (kebiasaanya lelaki) menderhakai ibunya apabila pulang dari perantauan setelah berjaya. Dalam karya, watak penderhaka bukan sahaja dimatikan bahkan disumpah menjadi batu. Cerita anak derhaka ini bukan sahaja popular di Malaysia tetapi meliputi juga wilayah Nusantara lainnya dan dapat dianggap sebagai suatu warisan budaya serantau.¹ Keadaan ini memperlihatkan secara langsungnya akan keselarian cara berfikir masyarakat Melayu serantau dalam memberi pendidikan kepada khalayaknya khususnya generasi muda agar sentiasa menghormati dan menghargai orang tua baik ibu mahupun bapa terhadap pengorbanan membesar dan mendidik mereka (Shaiful Bahri Md.

Radzi 2005 dan 2013).

Si Tenggang diklasifikasikan sebagai cerita legenda di bawah subklasifikasi legenda pendosa.² Cerita ini juga dapat diletakkan di bawah legenda asal usul nama tempat berdasarkan tempat peristiwa itu berlaku, Batu Caves (Batu Keb). Isu kepincangan moral yang diungkapkan dalam *Si Tenggang* berfungsi sebagai alat kawalan sosial kepada masyarakat amat terserlah. Penganiayaan Si Tenggang ke atas Deruma ibunya, mendidik khalayak tentang sifat tanggungjawab anak ke atas ibunya. Perbuatan Si Tenggang menghalau, menerajang dan memukul ibu akibat malu dengan kedaifannya di hadapan kedua-dua isteri yang cantik jelita sesuatu yang tidak dapat diterima. Abd. Samad Ahmad (t.th.: 104-105) dalam Mohd.Khalid Taib (1991) melukiskan kekecewaan Si Deruma yang menangis menahan kesakitan dalam perahu kecil itu apabila mengatakan, “Hati-nya remok redam mengenangkan perbuatan anak-nya dan melihat darah keluar berpanchutan dari tangan-nya itu. Kemudian ia pun menengadahkan ka-langit, memohon kepada yang Maha Berkuasa, sambil melambong-lambong susu-nya ia berseru dengan sa-kuat-kuat suara-nya, “Ya Tuhan! Kalau benar-lah Si-Tenggang itu anak-ku, besar dengan ayer susu-ku ini, kau tunjukkan-lah sa-suatu balasan yang sa-padan dengan anak derhaka itu!”³

Kasih ibu sepanjang hayat, kasih saudara bila berada. Berbanding ibu yang tetap akan menyayangi anaknya sama ada baik atau buruk perlakuannya, kasih sayang kekeluargaan lain menjadikan harta sebagai ukurannya. Sungguhpun begitu, kecewa Deruma melampaui kasihnya terhadap Si Tenggang anaknya. Sumpahan ibu menyebabkan kapal Nakhoda Tenggang karam dipukul ribut sehingga semuanya menjadi batu.⁴Gambaran yang dilukiskan itu cukup memilukan sehingga diyakini benar-benar wujud oleh masyarakat setempat.⁵Kisah yang menyayat hati ini dapat dijadikan sempadan berguna dalam kehidupan. Dalam hubungan kekeluargaan, orang Melayu meletakkan status dan kedudukan ibu bapa terutamanya ibu di tingkat yang paling tinggi. Dalam peribahasa Melayu umpamanya terdapat ungkapan, ‘syurga berada di bawah telapak kaki ibu.’ Keadaan ini menunjukkan betapa pentingnya peranan ibu dalam kehidupan khususnya dalam keluarga. Oleh itu, ibu tidak seharusnya diengkari mahupun disakiti hatinya lebih-lebih lagi untuk diderhakai. Jasa dan pengorbanan ibu amat besar sekali dan bukan sekadar mengandung dan melahirkan tetapi lebih daripada itu. Ibu adalah insan yang bertanggungjawab menjaga, mengasuh dan mendidik seseorang anak itu sejak ia sebesar dua jari lagi. Menghormati ibu juga merupakan tuntutan agama khususnya agama Islam. Dalam Islam ditekankan peri pentingnya si anak menghormati dan menajagai ibu.⁶

Memandangkan peri penting menghormati ibu maka persoalan ini diungkapkan dalam sastera. Menerusi sastera, mesejnya dapat dicerap khalayak sasaran khususnya kanak-kanak agar dapat dimanfaatkan oleh mereka bagi bekalan menghadapi hari muka. Si anak apabila telah dewasa dan berjaya seharusnya memiliki sikap menghormati dan menghargai jasa ibunya. Secara simbolik, pengarang menerapkan unsur didaktik dengan cara yang amat berkesan sekali.

Balasan bagi penderhaka amat parah dan dosanya amat besar. Mohd.Khalid Taib (1991) menegaskan cerita sebegini bertindak sebagai alat kawalan sosial. Perbuatan ‘menderhaka kepada ibu’ pada Noriah Taslim (2006: 138) adalah satu perbuatan yang menjadi pantang larang dalam masyarakat Melayu tradisional. Dalam masyarakat Melayu-Muslim, legenda pendosa pada Noriah Taslim (2006: 139) juga bertindak sebagai alat kawalan sosial. Menerusi cerita bermotifkan anak derhaka ini, suatu set tingkah laku telah dibina secara tradisinya oleh generasi awal bagi pembentukan generasi yang akrab dan patuh kepada nilai-nilai murni budaya. Bala dan ketulahan yang turun menimpa anak derhaka lantaran doa si ibu yang ‘teraniaya’ merupakan suatu bentuk keadilan puitika (*poetic justice*) yang amat menyegarkan. Maka pengajaran yang ditampilkan ini akhirnya menjadi sebatan dan tersempat kukuh dalam sanubari masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi sebagai suatu ingatan dan larangan yang wajib dielakkan.

DUNIA KONTEMPORARI DAN GEJALA SI TANGGAG MODEN

Malaysia telah jauh berubah sejak kemerdekaan pada tahun 1957. Pembangunan berlaku di serata pelosok negara. Pembangunan itu pula berlaku dengan kadar yang amat pantas dan berlaku seiring dengan kemajuan yang dicapai negara maju. Kemajuan pembangunan yang dicapai ini turut disumbangkan secara signifikannya oleh faktor komunikasi yang begitu sistematik sebagai pencetus pembangunan nasional. Dalam konteks ini, perhatian perlu dititikberatkan kepada komunikasi khususnya dalam perkhidmatan awam agar maklumat sampai kepada kumpulan sasarannya apabila melalui semua peringkat dalam hierarki birokrasi kerajaan (Wan Firuz Wan Mustaffa, 1985). Sesungguhnya, pembangunan yang diusahakan itu membawa banyak manfaat dan kesejahteraan kepada rakyat. Dalam bidang kesihatan umpamanya, jangkaan hayat penduduk meningkat manakala kadar kematian bayi menurun. Secara langsung senario ini meningkatkan jumlah warga tua di Malaysia. Secara terperinci, jangkaan hayat warga tua di Malaysia mengikut jantina antara 1991-2010 dapat dilihat dalam Jadual A di bawah;

**JADUAL A. JANGKAAN HAYAT WARGA TUA DI MALAYSIA
MENGIKUT JANTINA (1991-2010)**

BIL	TAHUN	LELAKI	WANITA
1.	1991	69.2 TAHUN	73.4 TAHUN
2.	2000	70 TAHUN	74.7 TAHUN
3.	2010	71.9 TAHUN	77 TAHUN

Sumber: *New Sunday Times*, 29 Mac 2015

Sementara itu, berdasarkan Laporan Jabatan Perangkaan 2014, lapan peratus daripada jumlah penduduk Negara yang mencecah hampir 30 juta orang adalah golongan tua yang melebihi umur 60 tahun. Daripada segi bilangan mengikut jantina, dianggarkan lelaki adalah sekitar 1.1 juta orang manakala wanita pula adalah 1.2 juta. Senario ini dijangkakan akan berterusan meningkat daripada tahun ke tahun seperti yang tersenarai dalam Jadual B di bawah;

JADUAL B. JANGKAAN POPULASI WARGA TUA BERUMUR LEBIH DARIPADA 60 TAHUN

BIL	TAHUN	PERATUSAN
1.	1991	5.8%
2.	2000	6.2%
3.	2010	7.6%
4.	2020	10.6%
5.	2040	16.3%

Sumber: *New Sunday Times*, 29 Mac 2015

Sungguhpun begitu, malangnya, dalam kehidupan kontemporari, peristiwa penganiayaan si anak ke atas ibu bapa sering terjadi dan sentiasa tersiar di akhbar dan televisyen. Dalam pelbagai kes penganiayaan ini, terdapat kes ugutan, pukul, dan termasuk yang lebih menyayat hati, membunuh ibu bapa sendiri. Dalam satu kes, pada 11 Ogos 2014 lalu Mahkamah Majistret Kota Bharu menjatuhkan hukuman penjara lima tahun ke atas Zulkifli Salleh, 25, kerana mengugut untuk membunuh ibu sendiri dengan sebilah pisau selepas ditegur kerana tidak menghormati azan.⁷ Mengikut Kajian Kependudukan dan Keluarga Malaysia Keempat oleh (LPPKN) terdapat pelbagai bentuk penganiayaan yang dilaku seperti tergambar dalam Jadual C di bawah;

JADUAL C. BENTUK PENGANIAYAAN TERHADAP ORANG TUA

BENTUK PENGANIAYAAN	TANDA-TANDA BERLAKUNYA PENGANIAYAAN
1. FIZIKAL	Kesan kecederaan; cermin mata patah; kesan parut ikatan di pergelangan tangan; Penjaga tidak membenarkan berjumpa orang tua secara bersendirian
2. KEWANGAN	Pengeluaran wang daripada akaun secara meragukan; perubahan dalam status kewangan; perubahan wasiat yang meragukan, bil perubatan tidak berbayar atau tidak mendapat rawatan walaupun mereka mempunyai wang dll
3. PSIKOLOGI	Mengancam dengan pertuturan – ugutan, pengasingan, menyekat bantuan, paksaan keluar daripada rumah dll

- | | |
|---------------|---|
| 4. SOSIAL | Menidakkan peluang, menyekat, menghalang untuk bertemu orang lain; kemudahan kesihatan; bersosial dll |
| 5. SEKSUAL | Aktiviti seks (paksaan) dll |
| 6. PENGABAIAN | Gagal menyediakan makanan, pakaian, perlindungan, rumah dll |
-

Sumber: *New Sunday Times*, 29 Mac 2015

Dianggarkan sekitar 675,000 orang atau hampir 30 peratus warga tua di Malaysia adalah dianiayai. Umumnya, mereka ditinggalkan tanpa menerima sebarang bantuan kewangan daripada anak-anak mereka (Audrey Vijandren and Suzanna Pillay 2015). Senario ini memperlihatkan bahawa manusia seolah-olah sudah hilang nilai kemanusiaannya apabila bertindak di luar batasan kemanusiaan sehingga sanggup menganiayai ibu bapa sendiri. Dalam konteks ini, dapat dikatakan bahawa kehidupan dunia kontemporari yang serba maju ini telah mewujudkan suatu gejala yang dapat dinamakan sebagai ‘Si Tanggang Moden.’

PERUBAHANAN MAKNA DAN MASYARAKAT KONTEMPORARI

Fungsi utama cerita warisan adalah sebagai alat hiburan. Dalam berhibur, cerita ini melaksanakan fungsi didaktik memandangkan terdapatnya pelbagai unsur moral tentang kehidupan yang dapat dicerap dan dimanfaatkan. Ungkapan ‘yang baik jadi teladan, yang buruk jadi sempadan’ amat sesuai dengan kewujudan cerita-cerita warisan ini memandangkan itulah fungsi utama kewujudannya dalam konteks pengajaran tidak formal pada suatu masa dahulu. Di sebalik unsur hiburan dan didaktik, cerita warisan juga berfungsi sebagai suatu bentuk alat kawalan sosial yang bertindak mengawal tingkah laku ahli masyarakat dalam menjalani hidup bermasyarakat dalam kelompok masyarakat pemilik cerita warisan tersebut. Khalayak khususnya kanak-kanak yang menjadi sasaran utama dalam konteks ini, dapat mencerap dan menteladani nilai-nilai murni yang baik ketika berhibur semasa menikmati penceritaan cerita warisan ini agar dapat membentuk sahsiah diri supaya bersikap, berpekerti dan bertingkah laku mulia.

Cerita bermotifkan anak derhaka umpamanya memenuhi aspirasi masyarakat sebagai suatu bentuk alat kawalan sosial. Si Tanggang menjadi model anak yang derhaka yang seharusnya dijadikan sempadan berguna untuk dielakkan kerana dengan derhaka akan disumpah menjadi batu oleh ibunya sendiri. Menerusi fungsi ini masyarakat dididik agar bersikap menghormati, menghargai jasa dan pengorbanan orang tua lebih-lebih lagi ibu bapa sendiri. Cerita yang lahir daripada tradisi lisan ini diperkukuhkan dengan tuntutan ajaran Islam apabila agama ini bertapak kukuh di alam Melayu. Surah Al-’Aḥqāf ayat15 dan Surah Luqmān ayat14 jelas sekali memperlihatkan kepentingan ibu bapa dan tanggungjawab anak ke atas mereka. Surah Al-’Aḥqāf ayat15 menyatakan;

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan. Setelah ia besar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur empat puluh tahun, berdoalah ia dengan berkata: “Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatmu yang engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu, dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadamu).”

dan juga pada Surah Luqmān ayat 14 pula;

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).

Di sinilah letaknya kepentingan cerita bermotif anak derhaka ini kepada orang Melayu. Sebagai alat kawalan sosial yang ditempa sejak zaman tradisi lisan, motif ini diperkukuhkan signifikannya apabila disabitkan dengan tututan ajaran agama Islam menerusi tradisi bertulis yang disebarkan Islam. Motif anak derhaka ini kekal dengan peranannya sebagai alat kawalan sosial apabila evolusi pemikiran Melayu meningkat daripada tahap yang rendah menerusi tradisi lisan ini bertembung pula dengan pengenalan tradisi bertulis, tradisi bercetak dan seterusnya kini tradisi siber yang mementingkan perkongsian maklumat. Dalam konteks inovasi teknologi komunikasi, Amelia Abdul Aziz (1993) memperlihatkan evolusi pemikiran Melayu ini bertembung pula dengan inovasi teknologi komunikasi serba canggih alam siber yang membawa kesan ke atas sosio-budaya masyarakat Malaysia. Sungguhpun begitu, dalam kehidupan masyarakat kontemporari yang serba maju, canggih dan pantas kini peratus penganiayaan ke atas orang tua khususnya ibu bapa sering berlaku dan terus berlaku dengan kadar yang meningkat. Gejala sosial ini dapat dianggap sebagai suatu kepincangan dalam masyarakat khususnya sistem kekeluargaan. Peristiwa malang ibu bapa yang dianiayai sama ada secara fizikal mahupun emosi sering kedengaran apabila tersiar di akhbar dan televisyen. Ada kalanya mereka ditinggalkan dan diabaikan tanpa penjagaan, dihalau keluar dari rumah dan juga diserahkan ke rumah orang tua. Si Tanggang, Malim Kundang dan Nakhoda Manis yang menjadi simbol anak-anak derhaka yang harus dielakkan dan menjadi asas kepada ingatan dan larangan dalam hubungan kekeluargaan antara anak dan ibu bapa seolah-olah telah hilang pengertian dan maknanya dalam kehidupan kontemporari kini. Senario ini memperlihatkan betapa cerita warisan bermotifkan anak derhaka yang menjadi motif popular dalam lingkungan alam

Melayu telah luntur fungsinya.

Suatu hal yang pasti, keadaan ini memperlihatkan berlakunya proses perubahan makna terhadap motif anak derhaka walaupun latar belakang generasi kontemporari berpendidikan agama, berpendidikan tinggi, maju dan moden. Rasa takut dan gerun yang dibina menerusi cerita rakyat ini telah luntur pengaruhnya. Stigma ‘anak derhaka’ umpama Si Tanggang, Malim Kundang dan mahupun Nakhoda Manis yang dilabelkan masyarakat umum ke atas seseorang yang menganiaya orang tua tidak membawa kesan lagi. Manusia seolah-olah hilang nilai kemanusiaannya manakala cerita rakyat warisan bangsa hilang signifikan dalam mendidik manusia untuk menghormati dan menghargai jasa dan pengorbanan orang tua lebih-lebih lagi ibubapanya sendiri. Dalam konteks ini, seolah-olah telah berlakunya perubahan makna dalam mesej yang cuba disampaikan dalam cerita tersebut. Jasa dan pengorbanan ibu dan bapa tidak dihiraukan lagi malah tidak penting dalam konteks kelangsungan hidup dunia kontemporari. Didikan agama yang menegaskan bahawa rezeki itu di tangan Tuhan juga tidak menandatangani sebarang makna. Masyarakat kini seolah-olah lebih bersikap mementingkan diri sendiri dengan sifat individualistiknya yang menjadi ukuran dunia moden. Mungkin gejala ekonomi dunia yang tidak menentu yang turut membelenggu ekonomi negara turut meresahkan kehidupan masyarakat dengan kenaikan harga barang khususnya barangan makanan. Faktor ini mungkin antara sebab manusia lebih mementingkan diri sendiri dalam kelangsungan hidup keluarga sendiri.

Secara mudahnya, masyarakat tradisi pada suatu masa dahulu menerima baik cerita warisan bermotifkan anak derhaka ini apabila dijadikan sebagai sempadan dalam kehidupan untuk mendidik masyarakat tentang hubungan kekeluargaan. Dengan fungsi sempadan, cerita ini menjadi ingatan, pedoman dan panduan agar anak sentiasa menghormati dan mengasihi ibu bapa mereka. Ikut masa, tafsiran terhadap cerita warisan ini berubah makna khususnya dalam kehidupan kontemporari kini atas faktor kemodenan dan sosiobudaya yang berubah dan menjadikan manusia yang lebih mementingkan kehidupan individualistik. Senario ini dijelaskan Walter Benjamin (1970: 87) apabila mengatakan, “[t]he art of storytelling is reaching its end because the epic side of truth, wisdom, is dying out.” Pada beliau, seni bercerita telah sampai ke penghujung hayatnya kerana kebenaran dan kearifannya telah luntur. Kelunturan amalan bercerita mungkin berpunca daripada pandangan umum sekarang yang beranggapan bahawa sastera rakyat adalah ‘dongengan’ semata-mata yang penuh dengan fantasi dan tidak masuk akal. Akibatnya, fungsi murni yang dimainkan oleh sastera rakyat sejak zaman dahulu lagi sebagai alat pendidikan tidak formal terutama berkaitan dengan pengajaran moral dihindarkan begitu sahaja. Sebaliknya, fungsi utama ini dalam banyak hal telah diambil alih oleh sekolah seiring dengan kepesatan pembangunan sistem pendidikan negara.

Lebih mendesak lagi, masalah ekonomi dunia yang berlaku umpamanya turut memberi tekanan kepada negara gara-gara kenaikan harga minyak mentah

yang dikaitkan segera aktiviti kehidupan yang mempengaruhi harga barangan. Kini, sama ada kenaikan atau kejatuhan harga minyak mentah dunia harga akan tetap mempengaruhi harga barangan. Kenaikan harga barang ini tentunya meningkatkan kos sara hidup keluarga. Keadaan ini, akan menimbulkan persepsi bahawa menyara kehidupan ibu mahupun bapa adalah dianggap suatu bebanan yang harus dielakkan lebih-lebih lagi dengan meningkatnya kos sara hidup semasa. Dalam konteks komunikasi, persepsi inilah yang dipanggil sebagai gangguan yang telah merubah persepsi makna cerita bermotifkan anak derhaka ini. Oleh itu, masyarakat kontemporari akan lebih mengutamakan keluarga sendiri daripada menyara orang luar baik ibu mahupun bapa mereka sendiri. Senario inilah menimbulkan kes-kes pengabaian orang tua dalam kalangan masyarakat Malaysia hari ini.

Sekiranya dilihat dalam konteks Wawasan 2020 yang mensasarkan matlamat untuk menjadi sebuah negara perindustrian dan negara maju serta kejayaan di bidang ekonomi, politik dan sosial sesuatu harus difikirkan. Hasrat menjadi sebuah negara perindustrian dan maju mungkin tiada masalah untuk dicapai kerana tanda-tanda kejayaan itu jelas tergambar. Sebaliknya, dalam konteks keadilan sosial, kerohanian, dan nilai sosial khususnya ke atas masalah orang tua dengan meningkatnya jumlah golongan ini kerana jangkaan hayat meningkat seharusnya diinsafi dan ambil iktibar. Ini memandangkan antara sembilan matlamat utama Wawasan 2020 adalah;

iv. Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, dengan warganegaranya teguh dalam nilai agama dan kerohanian dan didukung oleh nilai etika paling tinggi.

vii. Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mementingkan masyarakat lebih daripada diri sendiri, dengan kebajikan insan tidak berkisar pada negara atau orang perseorangan tetapi di sekeliling sistem keluarga yang kukuh.

Sekiranya negara maju manakala warganya tidak beretika tanpa sifat penyayang dan luntarnya budaya menyayangi lebih-lebih lagi ke atas orang tua khususnya ibu bapa secara langsung mencerminkan kepincangan dalam masyarakat. Cerita warisan bermotifkan anak derhaka yang menjadi motif popular dalam lingkungan dunia Melayu harus dipupuk dan dipulihara agar tidak luntur fungsinya dalam masyarakat. Oleh itu, gejala 'Si Tanggung Moden' seharusnya dibendung daripada wujud berleluasa menjadi penyakit dalam masyarakat sehingga meruntuhkan tamadun yang cuba dibina. Modal insan generasi mendatang harus dipupuk agar menjadi manusia yang berguna dan mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi dan bertindak dalam batasan nilai kemanusiaan. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan orang tua lebih-lebih lagi ibu bapa sendiri seharusnya dihargai dan dikenangi bukan dianiyai.

KESIMPULAN

Malaysia kini sebuah negara pesat yang membangun dan bergerak melangkah ke

arah menjadi sebuah negara maju. Kejayaan di bidang kesihatan menyebabkan jangkaan hayat penduduk meningkat sehingga meningkatnya warga tua. Dalam keadaan jasa dan pengorbanan orang tua sepatutnya dihargai, malangnya ramai dalam kalangan mereka dianiayai. Lebih mendukacitakan, penganiayaan itu dilakukan oleh anak-anak mereka sendiri sehingga dapat dilabelkan sebagai ‘Si Tanggung moden,’ anak derhaka dalam masyarakat kontemporari. Senario ini memperlihatkan betapa cerita warisan bermotifkan anak derhaka yang menjadi motif popular dalam lingkungan alam Melayu telah luntur fungsinya sebagai suatu bentuk alat kawalan sosial.

Keadaan ini memperlihatkan berlakunya proses pembinaan makna terhadap motif anak derhaka bagi generasi kontemporari. Rasa takut dan gerun yang dibina menerusi cerita rakyat ini telah luntur pengaruhnya. Stigma ‘anak derhaka’ ke atas seseorang yang menganiaya orang tua tidak membawa kesan lagi. Manusia seolah-olah hilang nilai kemanusiaannya manakala cerita rakyat warisan bangsa hilang signifikan dalam mendidik manusia untuk menghormati dan menghargai jasa dan pengorbanan orang tua lebih-lebih lagi ibubapanya sendiri. Jasa dan pengorbanan ibu dan bapa tidak dihiraukan lagi malah tidak penting dalam konteks kelangsungan hidup dunia kontemporari. Didikan agama yang menegaskan bahawa rezeki itu di tangan Tuhan juga tidak mendatangkan sebarang makna. Masyarakat kini seolah-olah lebih bersikap mementingkan diri sendiri dengan sifat individualistiknya yang menjadi ukuran dunia moden. Mungkin gejala ekonomi dunia yang tidak menentu turut membelenggu kehidupan masyarakat sehingga menganggap memelihara warga tua suatu bebanan yang harus dielakkan.

BIODATA PENULIS

Shaiful Bahri Md. Radzi lahir di Telok Panglima Garang, Selangor pada tahun 1961. Berkelulusan Doktor Falsafah (2000) dari School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London. Bidang pengkhususan adalah Sastera Melayu Tradisional dengan tumpuan khusus kepada folklor Melayu. Kini bertugas sebagai Profesor Madya di Program Persuratan Melayu, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

LAMPIRAN

JADUAL 1: WATAK ANAK DERHAKA NUSANTARA

BIL.	PROTAGONIS	LOKASI/BANGSA	LATAR BELAKANG/STATUS	SEBAB BERPISAHAN	DIDERHAKAI	MOHON DOA/SUMPAHAN	AKIBAT SUMPAH
1.	Tenggang (Malaysia)	Batu Keb, Selangor (Sakai)	Primitif/ Miskin	Diculik	Ibu dan bapa	Ibu	Jadi batu
2.	Johan (Malaysia)	Sungai Temiang, Seremban (Melayu)	Petani/ Miskin	Menjadi pelaut-pelayar bagi memperbaiki diri	Ibu	Ibu	Jadi batu
3.	Awang Tar (Malaysia)	Kampung Lubuk Jong, Kelantan (Melayu)	Petani/ Miskin	Mengembara untuk memperbaiki diri	Ibu	Ibu	Jadi batu
4.	Awang Jong (Malaysia)	Kampung Repek, Kelantan (Melayu)	Kerja kampung (menyemat atap dan mencari kayu api/ Miskin)	Mengembara untuk memperbaiki diri	Ibu	Ibu	Jadi batu
5.	Awang Sibuntal (Malaysia)	Kampung Lubok Jong, Kelantan (Melayu)	Petani/ Miskin	Mengembara untuk memperbaiki diri	Ibu	Ibu	Mati dan kapal tenggelam
6.	Si Aji (Malaysia)	Sungai Perak berdekatan Belanja (Sakai)	Primitif/ miskin	-	Ibu dan bapa	Bapa	Mati dan kapal tenggelam
7.	-	Muara Batang Lupar, Sarawak	Penduduk kampung	Berdagang	Ibu bapa	-	Ribut, semuanya anak, bapa, ibu dan penduduk kampung pupus jadi batu
8.	Teruna Luntit (Malaysia)	Kampung Rani, di kaki Bukit Rohiang, Sabah (Kadazan-Dusun)	Petani/ Miskin	Ke hutan untuk membuat perahu	Ibu (Tidak Menghiraikan pesanan)	-	Ghaib (Berkahwin dengan Puteri Dumorok penunggu bukit)
9.	Nakhoda Manis (Brunei)	Jong Batu/ Ajong Batu (Melayu Brunei)	Pedagang/ Kaya	Mengembara untuk mencari pengalaman	Ibu	Ibu	Jadi batu

10.	Si Untak (Brunei)	Kampung Teleting, Tutong (Suku Tutong)	Petani-penternak/ Sederhana-mewah	Berdagang	Ibu	Ibu	Mati dan kapal karam jadi batu
11.	Si Kantan (Indonesia)	Sungai Baruman, Sumatra Utara	Penjual Kayu Api/ Miskin	Belayar ke Melaka untuk menjual tongkat emas yang dijumpai	Ibu	Ibu	Kapal jadi pulau
12.	Malim Kundang (Indonesia)	Padang, Sumatra Barat (Minangkabau)	Berladang Dan Mencari Kayu Api/ Miskin	Mengembara untuk mengubah nasib (merantau)	Ibu	Ibu	Jadi batu
13.	Si Boncel (Indonesia)	Kampung Kandangwesi, Jawa Barat (Sunda)	Penjaga Kuda/ Miskin	Melarikan diri dari Juragan Kanta kerana takut dimarahi	Ibu dan bapa	Bapa	Jatuh sakit akhirnya mati membunuh diri

(ENDNOTES)

1. Lihat Lampiran untuk cerita-cerita motif anak derhaka serantau.
2. Mohd.Khalid Taib (1991: 276-277) menyenaraikan motif ini di bawah subkategori (C) 'Tokoh-tokoh yang ahli dalam Perniagaan/Pencarian Harta/Urusan Keduniaan,' yang memperlihatkan keahlian yang nyata dalam bidang-bidang pengumpulan harta di bawah kelompok 'Legenda Orang Terkenal.'Sehubungan itu, klasifikasi ini menitikberatkan tentang fungsi cerita dalam memberi pengajaran kepada masyarakat.
3. Penegasan penulis.
4. Si-Talang dan Si-Deruma telah sampai ka-tepi pantai, buah memelam yang hendak di-beri kepada anak mereka tadi maseh di-pegang mereka sa-orang sa-biji. Sa-jurus sahaja lepas menaiki pantai itu, tiba-tiba kedengaran ka-telinga kedua-nya bunyi suara laungan Si-Tenggah berulang-ulang menyebut: "Emak! Emak! Emak! Ia emak aku! Ia emak aku! Ia emak aku!"(Abd. Samad Ahmad t.th.: 104-105).
5. Batu yang menyerupai buritan sebuah kapal di dalam gua gelap di Batu Keb (dulunya Batu Caves) berhampiran bandaraya Kuala Lumpur didakwa sebagai tempat peristiwa itu berlaku. Oleh itu, batu yang menyerupai buritan sebuah kapal itu dijadikan sandaran bukti masyarakat setempat kepada cerita tersebut.
6. Peristiwa Ikramah umpamanya menjadi contoh balasan Allah SWT terhadap anak yang membelakangi ibu.Ini menunjukkan di peringkat tertinggi di sisi Tuhan persoalan ini mendapat tempat yang tersendiri dan teristimewa. Ibu adalah insan yang bertanggungjawab menjaga,

mengasuh dan mendidik anak sejak ia sebesar dua jari lagi. Jasa mereka secara universalnya dihargai sehingga 11 Mei setiap tahun disambut di seluruh dunia sebagai 'Hari Ibu' bagi memperingati dan menghargai pengorbanan yang dicurahkan mereka.

7. Beliau seorang penganggur mengaku melakukan kesalahan tersebut dengan niat menyebabkan ketakutan yang membawa kecederaan atau kematian ke atas Mek Bidah Hanapi, 51, kira-kira pukul 7.40 malam, 29 Jun lalu di rumah mereka di Kampung Tikat, Jalan Pantai Cahaya Bulan, Badang. (http://ww1.utusan.com.my/utusan/Mahkamah/20140812/ma_01/Anak-derhaka-dipenjara-lima-tahun#ixzz3YcKWORDM) [Dicapai pada 3 Jun 2015].

RUJUKAN

- Abd. Samad Ahmad. (t.th.). *Nakhoda Tenggara. Anak Derhaka, Riwayat Batu Keb.* Kuala Lumpur: Khee Meng Press.
- Amelia Abdul Aziz. (1993). Kesan Inovasi Teknologi Komunikasi Kini Ke Atas Sosio-Budaya Masyarakat Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. Jil. 9: 27-35.
- Audrey Vijandren and Suzanna Pillay. (2015). Old and Lonely. *New Sunday Times* 29 Mac: 12-13.
- Benjamin, Walter. (1970). *Illuminations*. London: Jonathan Cape.
- Mohd. Khalid Taib. (1991). Legenda-Legenda Nama Tempat dan Orang Terkenal di Semenanjung Malaysia. Dlm. Mohd. Taib Osman. (pngr.). *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manimaran, K. dan Samsudin A. Rahim. (2014). Hubungkait Komunikasi Kesihatan Dengan Kesan Hirarki Isu Kesihatan Terhadap Perubahan Amalan Gaya Hidup Sihat. *Jurnal Komunikasi*. Jil. 30(1): 147-176.
- Noriah Taslim. (2006). *Dunia Sahibul Hikayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. (2005). Motif Anak Durhaka: Antara Didaktik dan Kreativitas. *Semiotika* 6 (1): 1-13.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. (2013). "Motif Anak Derhaka: Warisan Budaya Serantau." Dlm. Jelani Harun dan Ben Murtagh. (pngr.). *Esei Penghargaan kepada Profesor Emeritus V.I. Braginsky, Mengharungi Laut Sastera Melayu (Festschrift in Honour of Professor Emeritus V.I. Braginsky, Crossing the Sea of Malay Literature)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thompson, Stith. (1966). *Motif-Index of Folk Literature*. Vols. 6. Bloomington: Indiana University Press.
- Wan Firuz Wan Mustaffa. (1985). Tinjau Peranan Komunikasi Dalam Pembangunan. (Kefahaman Menggunakan Komunikasi Fizikal dan Interpersonal dalam Pembangunan). *Jurnal Komunikasi*. Jil. 1: 11-20.
- http://ww1.utusan.com.my/utusan/Mahkamah/20140812/ma_01/Anak-derhaka-dipenjara-lima-tahun#ixzz3YcKWORDM

